

25/03/1998

EU perlu cergas dalam politik dunia

Jamhariah Jaafar; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Selasa - Penyertaan lebih agresif Kesatuan Eropah (EU) dalam politik dunia perlu bagi mengekang penguasaan Amerika Syarikat (AS) yang begitu kukuh sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, walaupun EU kini memainkan peranan yang semakin penting terutama bagi mengawasi tindakan AS dalam beberapa agenda dunia, ternyata Washington masih memegang tampuk utama pemerintahan dunia.

"Kita adalah manusia yang tidak boleh lari daripada mengamalkan sikap 'double standard'. Dalam masa kita rela untuk memaafkan rakan sendiri, walau bagaimana baiknya musuh kita, dia masih jahat (di mata kita).

"Jika anda berkuasa, selalunya anda tidak nampak perkara yang dilihat daripada kaca mata orang lain seperti keadilan dan hak asasi manusia. Disebabkan tidak menyukai seseorang itu, jutaan rakyatnya dihukum," katanya menjawab soalan wakil EU mengenai peranan kesatuan itu terutama dalam usaha menghalang AS daripada terus menghukum rakyat Iraq.

Dr Mahathir berkata demikian dalam dialog bersama peserta Seminar Bersama Malaysia-Kesatuan Eropah (EU) bertemakan 'Eropah dan Dunia Islam' di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini, hari ini.

Seminar dua hari yang dihadiri lebih 100 duta dan pesuruhjaya asing di sini, ahli akademik, pemimpin kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu, dianjurkan bersama oleh IKIM dan Pusat Kajian Islam Oxford (Ocis) dengan sokongan Kesatuan Eropah (EU).

Hadir sama ialah Pengerusi IKIM, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Pengarah Ocis, Dr Farhan Ahmad Nizami.

Perdana Menteri turut menjelaskan, keadaan di Malaysia berbeza kerana walaupun negara Islam, ia bersikap toleransi kerana rakyatnya terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.

"Islam membenarkan perbezaan, kerana itu dalam Islam kita mempunyai banyak mazhab. Di Malaysia kita mempunyai dua jenis undang-undang iaitu undang-undang Syariah dan perundangan biasa.

"Dalam memastikan kestabilan negara ini terjamin, kami perlu melaksanakan undang-undang secara literal. Kita mesti menentukan apa yang adil atau tidak adil bagi seluruh rakyat negara ini.

"Saya pernah berkata, bahawa rakyat negara pelbagai kaum di negara ini boleh duduk makan semeja dalam keadaan harmoni. Rakyat beragama Islam memakan makanan Cina dan menggunakan chopstick, tetapi yang pasti makanan itu tidak mengandungi daging babi Rakyat beragama Hindu yang tidak makan daging lembu disediakan makanan bersayur.

"Apa yang diperlukan di sini ialah satu tahap toleransi yang boleh diterima semua pihak," jelasnya.

(END)